

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20/4/2012

## Rencana

### Suara Blog

# Pembangkang bawa agenda ketuanan Melayu?

PIHAK pembangkang kini berusaha gigit nemonangi hati orang Melayu bagi mencapai cita-cita mereka memenangi pilihan raya umum akan datang.

Pakatan yang dibentuk antara Pas, DAP dan PKR membawa harapan agar Pas dapat memainkan peranan memenangi hati orang Melayu bagi memastikan matlamat mereka itu tercapai tetapi ternyata parti Melayu kedua terbesar itu gagal melaksanakannya.

Pembangkang, terutama DAP melihat Pas terlalu bergantung sepenuhnya kepada Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sehingga parti berkenaan gagal mencari strategi baru untuk menarik para pengundi Melayu.

DAP, parti yang paling dominan dalam pakatan ketiga-tiga parti pembangkang itu mula hilang sabar terhadap Pas menyebabkan mereka sendiri mengambil jalan memancing

**Lukman Ismail**  
lukman@utusan.com.my



sokongan Melayu dengan menarik penyertaan beberapa pemimpin Melayu ke dalam parti itu.

Bagaimanapun seperti dikatakan blog **Gelagar Anwar** ([gelaganwar.wordpress.com](http://gelaganwar.wordpress.com)): “Kehadiran dua pseudo Melayu bernama Aspan (Alias) dan Ariff Sabri gagal menarik minat Melayu seperti yang diharapkan. Malahan, ia menyebabkan kalangan penyokong setia DAP berbangsa Cina berasa kurang selesa.”

Ekoran kegagalan demi kegagalan itu,

pihak pembangkang yang semakin terdesak mendapatkan sokongan bagi menghadapi PRU-13 dilihat akan menggunakan isu “Ketuanan Melayu”.

Bak kata blog **Gelombang Wangsa Maju** ([mediawangsamaju.blogspot.com](http://mediawangsamaju.blogspot.com)), ini adalah titik tolak pembangkang jika mahu mendapatkan sokongan padu orang Melayu ketika undi kaum India sudah kembali terarah kepada BN.

Penulis membayangkan jika pembangkang dikepalai oleh Anwar menggerakkan agenda “Ketuanan Melayu” untuk meraih sokongan, ia sudah pasti tidak akan disenangi oleh ramai pengundi Cina yang selama ini begitu jelek dengan perkataan “Melayu”.

Ini menambah lagi rasa tidak senang orang Cina yang sebelum ini memberikan undi kepada DAP dengan harapan parti itu dapat membawa bangsa mereka mengepalai

pemerintah negara, sekali gus mencapai impian melihat kaum mereka menjadi Perdana Menteri.

Di sebalik dilema yang dihadapi pembangkang untuk meraih sokongan Melayu, PKR Selangor pula dikatakan sedang mengalami kemelut yang amat teruk ekoran kegagalan Azmin Ali mengurus dan menggerakkan jentera parti di peringkat akar umbi.

Kemelut yang melanda PKR Selangor itu dapat dilihat menerusi luahan Ketua Wanita Pusat parti, Zuraida Kamaruddin menerusi laman sosial Facebooknya yang merungut tentang semakin ramai ahli yang meninggalkan parti, seperti mana dilaporkan oleh blog **Cucu Tok Selampit** ([khairulryezal.blogspot.com](http://khairulryezal.blogspot.com)).

Kegagalan Azmin memperbaiki hubungannya dengan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim serta aktiviti parti yang hanya ter-

tumpu di kawasan tertentu sahaja adalah antara faktor yang mendorong ahli-ahli PKR Selangor tawar hati dan membuat keputusan meninggalkan parti itu.

“Bagi mereka PKR telah menipu mereka dengan propaganda imej sebagai parti harapan baru tetapi hakikatnya hanya pemimpin atasan sahaja yang mengaut segala keuntungan dan menikmati hidup yang mewah atas pengorbanan ahli-ahli peringkat bawahan.

“Program-program PKR tidak lagi mendapat sambutan hangat seperti dua atau tiga tahun lalu,” kata blog berkenaan.

Justeru, pembangkang terutama PKR kini dilihat semakin terdesak menjelang PRU-13 ekoran kegagalan mereka meraih sokongan Melayu di samping semakin ramai ahli parti yang hilang kepercayaan terhadap pemimpin mereka dan bertindak keluar parti.